

PEMAKLUMAN

Universiti Malaysia Pahang akan menaiktaraf sistem telefon UMP kepada Sistem Digital Cloud Communication. Nombor Talian UMP akan bertukar secara keseluruhan daripada 09 549 XXXX , 09 424 XXXX kepada 09 431 XXXX.

MULAI 1 FEBRUARI 2022

TALIAN PENTING UMP

09 4315000 09 4315555	TALIAN UTAMA UMP FAKS
09 4316999	TALIAN KECEMASAN (HOTLINE)
09 4316991	POS UTAMA UMP PEKAN
09 4316992	POS UTAMA UMP GAMBANG
09 4315042	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI PEKAN
09 4315052	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI GAMBANG

Maklumat lanjut boleh menghubungi e-mel [helpdesk @ump.edu.my](mailto:helpdesk@ump.edu.my)

PEKAN, 13 Januari 2022 – Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menggunakan talian baharu dengan pangkal 09-431 XXXX bagi mengantikan nombor talian 09-549 XXXX dan 09-424 XXXX secara keseluruhan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2022.

Bagi nombor talian umum UMP, ia akan menggunakan 09-431 5000 manakala talian kecemasan adalah 09-431 6999.

Pertukaran ini lanjutan daripada usaha menaik taraf sistem komunikasi universiti menggunakan *Cloud Communication* bagi menghubungkan semua warganya dengan lebih interaktif dan mudah terutamanya ketika berada di luar kawasan organisasi.

Menurut Irman Khalil yang menjalankan fungsi Pengarah/Ketua Pegawai Maklumat Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK), pelaksanaan ini seiring dengan Pelan ICT25 UMP bagi memastikan sistem komunikasi UMP berada dalam tahap memuaskan dan cekap dalam penyampaian perkhidmatan.

“*Cloud Communication* merupakan platform sistem telekomunikasi digital yang digunakan sebagai medium telekomunikasi rasmi UMP.

“Sistem ini menggantikan sistem sedia ada yang telah lama digunakan hingga memerlukan kos penyelenggaraan tahunan yang tinggi bagi memastikan sistem ini kekal berfungsi.

“Perancangan dalam menaik taraf sistem komunikasi ini merupakan salah satu inisiatif dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 dalam menyokong usaha sektor awam ke arah pendigitalan” katanya.

Tambahnya, pada masa yang sama, ia juga selaras dengan Pelan Strategik UMP (UMP25) bagi objektif dalam Kecemerlangan Ekosistem Universiti.

Manakala menurut Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Shahrol Azmi Amzat, setiap staf telah diperuntukkan dengan satu talian dalam pelaksanaan tugas rasmi.

“Kelebihan sistem ini bukan sahaja berfungsi sebagai panggilan suara malah ia juga dapat digunakan sebagai panggilan video dan menghantar mesej teks.

“Memandangkan sistem ini menggunakan sambungan internet, justeru penggunaannya dapat digunakan walaupun staf berada di luar negara.

“Selain menjimatkan kos, sistem ini juga dilengkapi dengan sistem carian nombor telefon staf dengan lebih mudah dengan hanya memasukkan nama staf tersebut,” ujarnya.

Tambahnya lagi, aplikasi ini lebih mudah dibawa ke mana-mana sekali gus memudahkan komunikasi staf walaupun berada di luar kawasan pejabat.

Katanya, dalam sistem ini, setiap staf telah diperuntukkan dengan satu akaun dan aplikasi ini boleh dipasang di lima peranti sama ada telefon bimbit, komputer atau *tablet*.

“Justeru, staf hanya perlu daftar masuk (*login*) dalam aplikasi dengan menggunakan akaun yang telah ditetapkan.

“Setiap staf juga akan menerima nombor sambungan baharu yang akan digunakan sepanjang tempoh perkhidmatan di universiti.

“Kini, pihak PTMK dalam usaha memberi penerangan dan maklumat kepada semua warga kampus sebelum pelaksanaan sepenuhnya pada 1 Februari ini,” katanya.

Sekiranya staf masih mempunyai masalah terhadap sistem ini boleh merujuk ke PTMK atau bagi yang memerlukan maklumat lanjut boleh menghubungi petugas PTMK menerusi e-mel helpdesk@ump.edu.my.

Rujukan talian baharu <https://directory.ump.edu.my/>

Disediakan oleh: Nor Salwana Mohd. Idris, Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor (PNC)

- 426 views

[View PDF](#)